

Headline	Jual polisi hayat lebih RM200j		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Sep 2015	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Niaga	Page No	52
ArticleSize	274 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,414		



U for Life tawar polisi insurans serendah RM9.85 untuk perlindungan RM100,000

Jual polisi hayat lebih RM200j

KUALA LUMPUR – Penyedia platform insurans dalam talian, U for Life Sdn. Bhd. (U for Life) menyasarkan untuk menjual polisi hayat bernilai lebih RM200 juta menjelang akhir tahun ini.

Syarikat yang merupakan kerjasama antara penangung insurans semula dunia, Hannover Re dan syarikat insurans Tokio Marine Life Insurance (M) Bhd. itu menawarkan kaedah mudah, segera dan berpatutan untuk membeli polisi insurans hayat dalam talian.

Pengurus Besarinya, Iskandar Ezzahuddin berkata, sejak prapelancarannya pada Mei 2015, syarikat telah menjual polisi bernilai RM165 juta.

“Walaupun dengan keadaan ekonomi semasa, kami fikir kami berupaya mencapai sasaran itu,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran rasmi produk tersebut di sini semalam.

Iskandar menjelaskan, U for Life yakin produk syarikat akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mendapatkan perlindungan insurans yang mencukupi memandangkan polisi yang ditawarkan sangat berpatutan dengan bayaran bulanan serendah RM9.85 bagi perlindungan bernilai RM100,000.

Tambah beliau, syarikat juga akan melabur sehingga RM5 juta bagi kegiatan promosi dalam tempoh 12 bulan akan datang untuk mewujudkan kesedaran akan pentingnya insurans hayat.

“Kami akan terus memperkukuhkan produk kami dan pada masa yang sama

berharap untuk meningkatkan kadar penembusan insurans kepada 75 peratus penduduk menjelang 2020,” katanya.

Sementara itu, Anggota Lembaga Eksekutif Hannover Re, Claude Chevre berkata, perilaku pembelian pengguna kini berubah dengan penggunaan teknologi yang meluas.

“Menerusi teknologi, kami berupaya mengenal pasti jurang dalam pasaran tempatan dan jumlah keseluruhan yang diinsuranskan pada masa ini mengesahkan platform dalam talian diterima oleh rakyat Malaysia,” katanya.

Tambah beliau, platform dalam talian dibangunkan oleh firma pembangun perisian berpangkalan di New Zealand, Intelligent Life bagi industri insurans.

– Bernama



ISKANDAR (tiga dari kanan) bersama Chevre (dua dari kanan) pada majlis pelancaran insurans dalam talian, U for Life di Kuala Lumpur semalam.